

## Pendidikan agama penting dalam kehidupan masyarakat

Nov 19, 2015 | 04:46 PM

Berita Harian



20



Kongsi



GRADUAN TERBAIK: Cik Halimah Yacob menyampaikan sijil penghargaan kepada Ustaz Zulkifli Bachik (kanan) sambil diperhatikan Rektor UINSU, Profesor Dr H. Nur Ahmad Fadhil Lubis. - Foto KHALID BABA

SATU majlis konvesyen telah diadakan Pusat Pendidikan Jamiyah, Sabtu lalu untuk mengiktiraf kumpulan pertama graduan dari Universitas Islam Negara Sumatera Utara (UINSU) dan juga graduan dari program diploma oleh Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

Seramai 13 pelajar dari program Sarjana Muda Syariah Islamiyyah UINSU dan 40 pelajar dari program Syariah Islamiyyah KUIM telah menerima ijazah dan diploma mereka di majlis tersebut.

Tetamu terhormat majlis itu, Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, yang menyampaikan ijazah tersebut berkata dengan adanya majlis sebegitu, ia menunjukkan bahawa masyarakat Singapura masih mengutamakan pendidikan agama dan Jamiyah telah memainkan peranan penting.

"Sejak awal lagi selepas penubuhannya, Jamiyah telah mengenal pasti perihal pentingnya pendidikan agama dalam kehidupan masyarakat dan memainkan peranan proaktif untuk menggalakkan masyarakat menimba ilmu," ujar Cik Halimah lagi ketika berucap di majlis tersebut.

Beliau juga berkata program yang dikelolakan berguna bukan sahaja kepada penuntutnya, malah masyarakat secara keseluruhan.

Seorang penerima Sarjana Muda Syariah Islamiyyah dari UINSU, Ustaz Zulkifli Bachik, berkata beliau bersyukur kerana diiktiraf sebagai graduan terbaik oleh pihak universiti atas kajian beliau.

Ustaz Zulkifli, 47 tahun, telah membentangkan kajian mengenai Pendapat Masyarakat Islam Singapura berkaitan Metodologi Dakwah dan Hukum Fahami Bacaan Dalam Solat.

"Saya berharap dengan kajian ini saya dapat memahamkan bahasa Al-Quran kepada masyarakat melalui bacaan dalam solat," ujar pengarah dan pengasas AtTartil Consultancy and Services ketika dihubungi semalam.

<http://www.beritaharian.sg/setempat/pendidikan-agama-penting-dalam-kehidupan-masyarakat>